

Nasihat PM kepada Majlis Peguam

BAIKI DIRI DULU

BM 3 0 11 11 11 11

Oleh Zamzam Omar dan Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR: Majlis Peguam perlu memperbaiki pentadbirannya terlebih dahulu sebelum memberi nasihat kepada kerajaan dalam isu meminda Perlembagaan Persekutuan berhubung kedudukan Tun Datu Mustapha Datu Harun yang dilantik sebagai Menteri Hal-Ehwal Sabah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pentadbiran badan peguam itu masih tidak berjalan dengan betul.

"Dia (pemimpin Majlis Peguam) patut membetulkan Majlis Peguam terlebih dahulu. Pentadbiran mereka masih tidak betul," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat pulang kepada Perdana Menteri Ireland, Albert Reynolds di Carcosa Seri Negara, di sini, semalam.

Reynolds dan 16 anggota delegasinya berlepas ke Pulau Pinang untuk meneruskan lawatan rasmi sebelum berlepas pulang ke Dublin, Ireland hari ini.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Majlis Peguam yang meminta kerajaan supaya mengka-

ji semula cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan berhubung Perkara 43 (8) mengenai perlunya seorang Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan apabila dilantik sebagai Menteri di peringkat Pusat.

Mengenai kedudukan Mustapha, Dr Mahathir berkata, kedudukannya sebagai Menteri Hal-Ehwal Sabah adalah kekal dan tiada sebarang perubahan.

Menurutnya, soal sama ada kerajaan akan meminda Perlembagaan atau tidak masih di peringkat kajian.

"Kita masih ada banyak masa lagi. Kita sedang mengkaji bagaimana hendak mengatasi masalah itu (perlantikan Mustapha)," katanya

Mengenai dakwaan Parti Bersatu Sabah (PBS) bahawa parti itu akan menang jika diadakan pilihan raya kecil di Usukan, Dr Mahathir berkata: "Memang PBS akan kata begitu. Kita pun akan kata begitu. Itu perkara biasa," katanya.

Sementara itu di Seremban, Menteri Undang-Undang, Datuk Syed Ha-

LIHAT MUKA 2 ✓

Pindaan bukan untuk memuaskan hati

DARI MUKA 1

mid Albar, mengingatkan Majlis Peguam mengekalkan fungsinya sebagai badan undang-undang dan tidak bertindak seperti parti politik pembangkang, yang sentiasa mempersoalkan keputusan kerajaan.

Syed Hamid menyifatkan Majlis itu bertindak nakal, berikutan kenyataannya kebelakangan ini lebih berbau politik dengan nada yang menyamai parti pembangkang. Katanya, kenyataan Majlis Peguam yang mempersoalkan cadangan kera-

jaan meminda Perlembagaan Persekutuan berhubung perantikan Mustapha sebagai Menteri Kabinet, jelas menunjukkan Majlis itu lebih suka bercakap soal politik dan bukan perkara berkaitan perundangan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di sini, semalam selepas merasmikan mesyuarat agung Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu, Negeri Sembilan.

"Soalnya, kita belum membuat keputusan. Dan kalau kita memutuskan

untuk memindanya, kita perlu melihat semua sudut bagi memastikan ia bagi kepentingan awam dan sejajar dengan keperluan semasa.

"Kita tidak meminda Perlembagaan bagi memuaskan hati atau untuk menyelamatkan diri seperti dakwaan Majlis Peguam.

"Kerajaan tidak akan melakukan sesuatu yang mengabai atau menodai kedudukan undang-undang negara. Selama ini pun, kita terus mendapat sokongan kerana kita

menjunjung dan menghormati undang-undang," katanya.

Beliau menyifatkan kenyataan Majlis Peguam amat tidak wajar dengan mendakwa kononnya kerajaan mahu meminda Perlembagaan kerana Sabah diperintah pembangkang dan ia tidak mungkin berlaku jika keadaan sebaliknya.

Syed Hamid berkata, kalau benar Majlis Peguam tidak berminat dalam politik, ia tidak seharusnya terus mengeluarkan kenyataan

berbau politik kerana soal yang diperkatakan memabitkan Perlembagaan.

Menurutnya, jika Majlis Peguam memberi pandangan munasabah berhubung Perlembagaan, kerajaan sedia mende-ngarnya.

"Ini tidak bermakna kita mesti setuju dan menerima apa saja pendapat mereka seperti yang diamalkan parti pembangkang seperti DAP yang sentiasa menuduh kerajaan bersalah jika cakap mereka tidak diikuti," katanya.